

## **Kepimpinan Keusahawanan Dalam Novel Terpilih Anwar Ridhwan Berdasarkan Teori Keusahawanan Kirzner**

*Entrepreneurial Leadership in Anwar Ridhwan's Selected Novels Based on  
Kirzner's Entrepreneurship Theory*

*Rahmanyasin Jaafar\**  
*rahmanyasin.jaafar@gmail.com*  
*Azhar Wahid*  
*azhar@fbk.upsi.edu.my*  
*Fakulti Bahasa dan Komunikasi,*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*  
*Tanjung Malim, Perak, Malaysia.*

*\*Corresponding author*

Received: 20 June 2024 ; Published: 26 Dec 2024

Jaafar, R., & Wahid, A. (2024). Kepimpinan Keusahawanan Dalam Novel Terpilih Anwar Ridhwan Berdasarkan Teori Keusahawanan Kirzner. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 15 -30. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/190>

### **ABSTRAK**

Kajian ini mendeskripsi bentuk-bentuk keusahawanan (*entrepreneurship*) dalam tiga novel terpilih karya Anwar Ridhwan iaitu *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Arus* (1990) dan *Naratif Ogonshoto* (2001) berdasarkan Teori Keusahawanan Kewaspadaan (*The Alertness Theory of Entrepreneurship*) yang dikembangkan oleh Israel M. Kirzner (1930-). Data-data berkaitan kedudukan keusahawanan dalam ketiga-tiga diperolehi dengan menggunakan pendekatan diskriptif analisis dan analisis kandungan (*content analysis*). Kedua-dua kaedah ini bertujuan memahami, mentafsir dan menemukan makna setiap aspek dalam ketiga-tiga novel tersebut sebagai data yang berkaitan dengan nilai-nilai keusahawanan yang digariskan oleh Kirzner. Dapatan kajian terhadap ketiga-tiga novel ialah; a) watak-watak utama telah menemui produk-produk keusahawanan misalnya, sumber-sumber hutan yang boleh dikomersialkan sebagai bahan perubatan tradisional; b) menjual hasil pertanian dan sumber-sumber alam seperti ikan air tawar; c) menawarkan kepakaran seperti ilmu kebidanan tradisional dan kemahiran menangkap buaya; d) memulakan dunia perbankan Melayu; e) menebus guna tanah untuk tujuan komersial, misalnya menukar tanah hutan menjadi padang golf.

Kata Kunci: Keusahawanan, Kepimpinan, Kewaspadaan, Komersial, Novel Terpilih

### **ABSTRACT**

*This study describes the forms of entrepreneurship (entrepreneurship) in three selected novels by Anwar Ridhwan, namely Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman (1979), Arus (1990) and Naratif Ogonshoto (2001) based on the Entrepreneurial Theory of Vigilance (The Alertness Theory of Entrepreneurship) developed by Kirzner (1930). Data related to the position of entrepreneurship in all three were obtained by using a descriptive approach of analysis and content analysis (content analysis). Both of these methods aim to understand, interpret and find the meaning of each aspect in the three novels as data related to the entrepreneurial values outlined by Kirzner. The findings of the study on the three novels are; a) the main characters have discovered entrepreneurial products for example, forest resources that can be commercialized as traditional medicinal materials; b) selling agricultural products and natural resources such as freshwater fish; c) offering expertise such as traditional midwifery and crocodile catching skills; d) started the world of Malay banking; e) reclaiming land for commercial purposes, for example turning forest land into a golf course.*

*Keywords: Entrepreneurship, Leadership, Vigilance, Selected Novels, Commercial*

## PENGENALAN

Konsep keusahawanan dan isu-isu berkaitan dengan perniagaan telah menjadi antara tema yang sering digarap oleh para pengarang dalam karya-karya sastera moden Malaysia. Usman Awang misalnya dalam naskah drama pentas *Uda dan Dara* (1972), telah mengemukakan cerita yang berkaitan dengan keusahawanan watak Juragan sebagai golongan kaya yang memberi pinjaman wang kepada golongan miskin, meskipun digambarkan keusahawanan secara negatif. Dalam cerpen “Pendoa yang Ikhlas” oleh Azizi Hj. Abdullah (diadaptasi ke telefilem pada 2019), ia mengisahkan semangat keusahawanan Haji Tamim yang mahu meneruskan kedudukannya sebagai jurunikah, imam dan ahli politik. Isu-isu keusahawanan turut menjadi tema oleh beberapa pengarang wanita Melayu yang digarap sebagai naratif novel, misalnya, *Menuju ke Puncak* (1987), karya Zaharah Nawawi, *Jaringan* (1990) oleh Rosmini Shaari, *Merpati Putih Terbang Lagi* (1974) dan *Ke Mana Kasih Hendah di Bawa* (1993) oleh Khadijah Hashim. Watak-watak wanita dalam keempat-empat novel ini dikaitkan dengan kedudukan mereka sebagai ahli koporat dan perniagaan yang berjaya, selain sebagai perancang peniagaan yang disegani (Siti Khariah M. Zubir, 2012). Pengarang Azmah Nordin turut mengangkat isu-isu keusahawanan dan pengelibatn golongan wanita dalam perniagaan, teknologi maklumat dan perusahaan, misalnya sebagai pemilik-pemilik restoran yang berjaya. Kedudukan wanita ini di garap dalam tiga novel beliau iaitu *Menongkah Lumrah* (1996), *Singgahmata* (1997) dan *Syumul* (1999). (Tengklu Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Mardian Shah Omar & Mawar Safei, 2021).

Anwar Ridhwan dalam novel-novelnya *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, *Arus* dan *Naratif Ogonshoto* turut memuatkan nilai-nilai keusahawanan yang dikaitkan dengan pelbagai aspek. Antara keusahawanan dalam konteks pengetahuan tempatan (*local knowledge*) dan kearifan tempatan (*local wisdom*) yang dimanfaatkan oleh watak-watak seperti Bidan Mariam (*Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*) yang menggunakan pengetahuan serta kebolehan dalam bidang kebidanan yang dikomersialkan. Antaranya, menjadikan daun-daun atau akar-akar tumbuhan tertentu sebagai ramuan ubat untuk membantu wanita-wanita yang bersalin. Pada masa yang sama, pengetahuan Bidan Mariam telah mengkomersialkan ilmu kebidanannya hingga membolehkan beliau dibayar atau dihadiahkan barangan tertentu sebagai imbalan jasa-jasanya membantu wanita bersalin di desa PS, selain menyediakan bahan ubatan tertentu sebagai rawatan susulan. Pawang Kri (*Arus*) pula telah mengkomersialkan pengetahuan serta pengalamannya dalam ilmu pawang buaya untuk menangkap atau melumpuhkan reptilia liar tersebut. Begitu juga watak Presiden dalam *Naratif Ogonshoto* yang membina peluang-peluang keusahawanan dengan menebang kawasan hutan untuk dijadikan padang golf, membuka kawasan rekreasi kolam air panas dan lain. Dalam perspektif Kirzner (1973), peluang keusahawanan boleh sahaja muncul tanpa memerlukan kekuatan modal, sebaliknya seseorang hanya perlu memiliki kewaspadaan (*alertness*) untuk memahami bentuk-bentuk keusahawanan yang boleh menghasilkan keuntungan. Dalam pemahaman lain, kewaspadaan sangat berkait rapat dengan pengetahuan atau pandangan yang tidak dimiliki oleh orang dalam menganalisis sesuatu untuk mencipta peluang-peluang yang boleh menjana keuntungan melalui penawaran produk atau perkhidmatan.

## Definisi Keusahawanan

Secara umumnya konsep keusahawanan dapat difahami sebagai proses gabungan idea, tindakan-tindakan kreatif, inovatif dan keputusan-keputusan dengan kepakaran pengurusan untuk menggunakan sumber manusia, kewangan, struktur kepimpinan dan gerak kerja yang tepat untuk mencapai satu produk yang dikenali, selain menfokus sasaran utama iaitu keuntungan. Istilah keusahawanan pertama kali diperkenalkan oleh ahli ekonomi Perancis, Richard Cantillon (1680-1734) untuk merujuk kepada individu atau kelompok masyarakat yang membeli atau menjalankan perniagaan berasaskan tukaran barang (*barter trade*) atau penjualan sesuatu produk, penggunaan tenaga kerja atau pengurusan (*management*) untuk menjana keuntungan. Seseorang usahawan (*entrepreneur*) pula berfungsi sebagai pemimpin, pengurus dan pelaksana sesebuah urusan keusahawanan yang bertanggungjawab menentukan serta mentadbir bentuk-bentuk urusiaga yang boleh menghasilkan keuntungan (Hamilton & Harper, 1994). Menurut Lacatus & Staiclestus

(2016:439), keusahawanan dapat ditakrifkan sebagai model yang sah dalam sesebuah sistem ekonomi yang dikaitkan dengan perubahan, inovasi, inisiatif dan perancangan yang berhubung rapat dengan pembangunan ekonomi.

*“Entrepreneurship is a valid model in economy described in terms of changes, innovation, and initiatives and often associated with economy development ...Entrepreneurship involves imagination, creativity, talent and innovation.”*

Berdasarkan pernyataan ini, konsep keusahawanan merupakan satu disiplin ilmu yang mempelajari tentang nilai, keupayaan (*ability*), dan perilaku seseorang atau kelompok masyarakat membina peluang-peluang untuk yang mengarah kepada peningkatan kepemilikan sumber-sumber ekonomi dan taraf hidup. Peningkatan kepemilikan tersebut mesti digerakkan melalui idea-idea kreatif dan inovatif dengan karakteristik seseorang atau kelompok untuk berani berhadapan dengan cabaran, kekuatan mental, mempunyai kepercayaan dan bijak mencipta peluang-peluang keusahawanan. Ncanywa (2019: 8), memperlihatkan hubungan ini sebagai;

*“Entrepreneurship is a phenomena where there is an entrepreneur who displays a character of creativity and innovation, risk taker, initiator, strategists, decision taking, opportunist and active participant among others in business.*

Dalam pemahaman ini, seseorang pengusaha mesti menampilkan karakter-karakter tertentu, terutama sebagai perancang, penyusun strategi dan berfungsi sebagai manusia kreatif yang mencipta sesuatu yang bernilai dari sesuatu yang tidak memiliki nilai komersial. Antaranya sumber-sumber alam, pengetahuan dan unsur-unsur kearifan tempatan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Untuk mencapai nilai keusahawanan ini, Kirzner (1973; 1979; 1985; 1992) percaya seseorang usahawan mesti memiliki kewaspadaan untuk mencipta ruang dan peluang bagi mencapai keuntungan.

## **METODOLOGI**

### **Teori Keusahawanan Kewaspadaan Kirzner**

Asas utama pemikiran Kirzner ialah sesebuah keusahawanan merupakan persaingan yang dikaitkan dengan kemungkinan-kemungkinan wujud persaingan perniagaan dalam bidang yang sama hingga akan menjejaskan peluang untuk meraih keuntungan yang maksimum. Oleh itu, seseorang pengusaha perlu waspada untuk mencipta produk-produk baharu berasaskan sumber yang sama yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha lain dengan melakukan analisis, pemerhatian dan penilaian terhadap kedudukan pasaran. Kejayaan mencipta atau menghasilkan produk-produk baharu yang tidak semestinya berasaskan modal, tetapi hanya perlu menyedari adanya kesempatan dalam menghasilkan keuntungan (Kirzner, 1973;1992). Beliau menggambarkan persaingan dalam sesebuah pasaran sebagai proses penemuan, penciptaan dan penilaian untuk membuat keputusan yang tepat berdasarkan kewaspadaan terhadap keperluan dalam sesebuah sistem pasar. Kewaspadaan mencari peluang pasaran bertujuan menyeimbangkan penawaran dan permintaan dengan mengesan segenap keperluan pengguna serta ketidaksempurnaan pasaran (*market imperfection*) dan seterusnya mengeksploitasi untuk memasukkan produk-produk yang diperlukan.

Menurut Kirzner (1973; 1985), ketidaksempurnaan pasaran adalah disebabkan oleh asimetri maklumat (*information asymetry*) dan rasionaliti yang terhad (*bounded rationality*). Istilah asimetri maklumat merujuk kepada satu keadaan maklumat pasaran (kepenggunaan) yang berbeza hingga memerlukan satu inovasi, membuat keputusan dan strategi pemasaran yang berbeza oleh seseorang pengeluar untuk memastikan produk mereka diterima di pasaran. Rasionaliti yang terhad pula merupakan istilah yang digunakan oleh Kirzner untuk megambarkan ketidaksempurnaan manusia sebagai pengguna hingga mereka hanya menerima penawaran daripada pengeluar.

Dalam konteks novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, misalnya, watak Pak Hassan membina satu produk keusahawanan peribadi iaitu mempertahankan cerita-cerita atau dongeng rakyat Melayu sebagai sumber pendapatan, meskipun akhirnya memunculkan konflik penerimaan dalam

kalangan masyarakat di desa PS. Pak Hassan dan Bidan Mariam atau Pawang Kri dalam novel *Arus* dapat difahami dalam perspektif teori keusahawanan Kirzner sebagai pengusaha yang memiliki kewaspadaan apabila memanfaatkan ketidaksempurnaan pasaran dalam masyarakat kerana tidak ada pesaing lain sebagai bidan (Bidan Mariam), penglipur lara (Pak Hassan), pawang yang berkebolehan menangkap serta menjinak buaya-buaya di Sungai Usar (Pawang Kri). Begitu juga watak Presiden dalam *Naratif Ogonshoto* yang memanfaatkan kedudukannya untuk membuka padang golf serta perniagaan pengangkutan air atau para nakhoda yang mengangkut aisberg (bongkah ais) dari Kutub Selatan ke Republik Ogonshoto untuk dicairkan sebagai air.

Pulangan seseorang usahawan adalah keuntungan berbentuk kewangan, barangan dan pengiktirafan sosial kerana tolenrasi mereka terhadap ketidaksempurnaan pasaran hingga mewujudkan peluang menjual produk atau perkhidmatan dengan 'imbalan' tertentu. Kirzner percaya keusahawanan tidak diperoleh melalui rujukan terhadap produk-produk yang sedia ada di pasaran, sebaliknya ia muncul apabila seseorang pengusaha dapat mengesan peluang-peluang baharu untuk menawarkan produk atau perkhidmatan yang 'lebih diperlukan' berbanding dengan produk yang sedia ada. (Laplume, Yeganegi, Dass & Greidanus, 2018; Baron, 2012; Kirzner, 1973; 1979). Produk yang diperlukan berkait rapat dengan ketidakseimbangan pasaran kerana keperluan, pemikiran, gaya hidup dan imej masyarakat sentiasa berubah hingga mereka memerlukan produk atau perkhidmatan yang sesuai dengan keadaan semasa. Kesimbangan pasaran dapat diatasi dengan kemampuan seseorang pengusaha mencipta sesuatu atau menawarkan produk baharu, selain keberanian menanggung risiko (*risk bearing*) dengan menganalisis dan menilai kedudukan sistem pasar (Kirzner, 1985; Noseleit, 2013).

## ANALISIS DAN PERBICANGAN

### Keusahawanan dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman, Arus & Naratif Ogonshoto*

Dalam perspektif Teori Keusahawanan Kewaspadaan Kirzner, nilai-nilai keusahawanan dalam ketiga-tiga novel tersebut dapat dibahagikan kepada tiga iaitu kewaspadaan pemantauan dan mencari (*alert scanning and searching*), kewaspadaan terhadap perkumpulan dan hubungan (*alert association and connection*) dan penilaian dan keputusan (*evaluation and judgement*). Bentuk-bentuk kewaspadaan keusahawanan tersebut digambarkan seperti Jadual 1 di bawah:

Bentuk Kewaspadaan	Watak dan Perwatakan
Kewaspadaan menilai dan mencari ( <i>alert of scanning and searching</i> ).	Memiliki kecekapan menganalisis keperluan pasaran berdasarkan pengetahuan, percaya diri, optimistik dan memiliki kewaspadaan penciptaan produk baharu pasaran.
Kewaspadaan perkumpulan dan hubungan ( <i>alert of association and connection</i> ).	Menggunakan kedudukan dalam masyarakat dan hubungan dengan pengguna untuk mencapai matlamat keusahawanan.
Penilaian dan keputusan ( <i>evaluation and judgement</i> ).	Menilai setiap keperluan pengguna sebelum membuat tentang sesebuah produk atau perkhidmatan yang akan ditawarkan supaya ia memenuhi kehendak pasaran.

Jadual 1: Bentuk-bentuk kewaspadaan keusahawanan

Sumber: Kirzner, Israel, M. (1973). *Competition and entrepreneurship*. Chicago:University of Chicago Press.

### **Kewaspadaan Menilai dan Mencari**

Kewaspadaan diri sangat berhubung rapat dengan rasa percaya diri yang dapat difahami sebagai keyakinan seseorang terhadap keupayaan yang dimiliki untuk menyelesaikan tugas, amanah dan seterusnya mencapai sesebuah matlamat yang dirancang (Bandura, 1995). Ia turut merujuk kepada kemampuan seseorang mengurus dan menetapkan emosi untuk mencapai sesebuah matlamat positif, keupayaan menunjukkan empati pada orang lain, menjalin hubungan kolektif serta membuat keputusan yang bertanggungjawab. Menurut Zimmerer (1996) kewaspadaan akan menjadikan seseorang usahawan memiliki nilai keyakinan diri, optimisme dan mampu membuat keputusan yang tepat. Kirzner (1973) pula menggariskan kewaspadaan sebagai sifat optimis yang membolehkan seseorang mencipta peluang dan memiliki kewaspadaan terhadap kemungkinan-kemungkinan untuk menghasilkan produk-produk baharu yang diperlukan oleh pengguna. Dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, kewaspadaan pemantauan diperlihatkan oleh Pak Hassan yang mempunyai keyakinan diri untuk terus mengkomersialkan cerita lipur lara, salah satu roman dalam masyarakat Melayu tradisional sebagai satu bentuk hiburan. Keyakinannya terhadap produk (cerita lipur lara) itu, mendorong Pak Hassan meninggalkan kampung halamannya di sebuah negeri di Pantai Timur Semenanjung kerana berkecil hati dengan adiknya yang menyuruhnya meninggalkan kerjaya tersebut. Adiknya menyuruh abangnya itu mengerjakan sawah peninggalan arwah ayah mereka kerana ia lebih menjamin masa depan berbanding menjadi seorang pencerita. Pak Hassan pula percaya terhadap pemantauan bahawa cerita-ceritanya akan terus didengar oleh masyarakat di desa PS digambarkan oleh Anwar Ridhwan seperti berikut:

“Sekarang sudah masuk penghujung bulan Disember. Cerita “Si Gembang” sudah ditamatkan dan pak Hassan sedang memikirkan untuk mengutarakan cerita lain pula pada malam-malam akan datang” (Anwar Ridhwan, 1979: 39).

“Jika penduduk desa sudi – dia akan meriwayatkan kisah “Raja Dera” sebagai pengisi malam” (Anwar Ridhwan, 1979: 20).

“Sesudah sembahyang Isya ditunaikan, dia pun duduk bersila dengan tenang sebelum meriwayatkan kisah “Raja Dera” itu (Anwar Ridhwan, 1979: 21).

“Lelaki itu telah menamatkan cerita “Raja Gagak” dan sedang menceritakan pula cerita “Raja Donan” (Anwar Ridhwan, 1979: 22).

Beliau juga optimis cerita lipur laranya akan terus didengar hingga beliau terus berfikir tentang cerita-cerita baharu yang perlu disampaikan kepada para pendengarnya kerana khuatir kisah-kisah yang sering diulang sejak hampir 20 tahun lalu sejak menginjak kaki di desa PS sudah bosan didengar:

“Seperti angin kencang yang bertiup di luar, jiwanya juga sedang gelisah memikirkan giliran cerita apakah yang bakal diulang lagi? Sudah hampir dua puluh tahun dia menetap di desa itu, menceritakan semua kisah yang dia tahu, dan sekarang dia hampir tidak mempunyai apa-apa lagi yang patut diceritakannya”  
(Anwar Ridhwan, 1979: 40).

Dalam perspektif teori keusahawanan Kirzner (1973), kewaspadaan diri dan optimisme merupakan antara kriteria yang perlu ada pada seseorang usahawan untuk membantu mereka waspada terhadap peluang-peluang mencari, mencipta dan menerapkan cara kerja, teknologi dan produk baharu dalam sistem pasar. Pada masa yang sama, seseorang usahawan adalah individu yang mencipta peluang-peluang baharu dengan mengambil risiko atas ketidakpastian atau ketidakseimbangan pasaran untuk meraih keuntungan melalui pengamatan terhadap keperluan pengguna. Dalam konteks Pak Hassan, beliau sedar ‘pasaran’ cerita-cerita lipur lara yang dibawanya akan berhadapan dengan saingan hiburan moden yang digambarkan oleh Anwar Ridhwan melalui imej radio milik watak Paman Bahari. Menurut Kirzner (1985; 1992), minat kerja (dalam konteks Pak Hassan kerjayanya sebagai penglipur lara) seseorang usahawan tidak semata-mata diukur pada pulangan kewangan (keuntungan), tetapi juga pulangan berbentuk penghargaan sosial daripada para pengguna atau masyarakatnya. Oleh itu, Pak Hassan memiliki nilai-nilai percaya diri dan optimisme yang dikaitkan

dengan hasrat dan tanggungjawab (keinginan mempertahankan kesenian tradisional Melayu) dan menerima risiko meskipun berhadapan dengan saingan hiburan moden. Nilai-nilai lain ialah yakin terhadap survival cerita lipur lara, selain mengenal pasti citarasa pasaran iaitu keinginan untuk mencipta cerita-cerita baharu untuk diperdengarkan kepada penduduk desa PS.

Nilai percaya diri dan optimistik turut diperlihatkan oleh Anwar Ridhwan pada watak Paman Bahari yang merupakan satu-satunya penduduk kampung PS yang memiliki radio, walaupun memiliki radio merupakan satu kesalahan besar dan bertentangan dengan peraturan Pendudukan Jepun (latar dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*). Lelaki tersebut digambarkan memiliki kewaspadaan pasaran yang tinggi kerana membeli radio yang menjadi sumber informasi utama masyarakat untuk mengetahui perkembangan semasa Perang Dunia Kedua, khususnya perkembangannya di Asia Pasifik. Paman Bahari merupakan golongan kaya kerana memiliki tanah dan kebun kelapa yang luas, bersempadan dengan kebun watak Pak Jais hingga bahagian tenggara desa PS. Imej kejayaan keusahawanan tersebut digambarkan dengan kemampuannya membeli radio yang akhirnya menjadi saingan utama kepada cerita-cerita lipur lara Pak Hassan:

“Ajaib sungguh radio itu, bukan?” ujar Aziz

“Ya,” sahut budak lelaki lain. Mereka mula keluar dari kawasan rumah Paman Bahari. “Radio itu Cuma seperti kotak kayu yang ada di rumah kita. Di depannya ada dua benda macam mata tersembul keluar dan di antara dua mata itu ada sebaris benda putih macam gigi. Mula-mula Paman Bahari akan menekan satu gigi itu, sedangkan tangannya yang lain memusing mata di depan radio itu. Kemudian radio itu berbunyi kreek! Kreek! Ataupun Auoo! Ha, tak lama lepas itu keluarlah suara orang bercakap atau menyanyi.

Bagaimanapun, keusahawanan Paman Bahari dalam perspektif Kirzner tidak berorientasikan keuntungan kewangan, sebaliknya menerima imbalan berupa pengiktirafan sosial dan perakuan pasaran (sanjungan masyarakat yang mendengar maklumat-maklumat daripada radio tersebut). Kedudukan watak Pak Hassan dan Paman Bahari memiliki persamaan dengan beberapa watak dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* yang memiliki kewaspadaan keusahawanan dengan memanfaatkan pengetahuan, kebolehan dan pengalaman dalam bidang perbidanan, khatan tradisional (mudim) dan perbomohan sebagai punca pendapatan. Peranan ini dimainkan oleh watak Bidan Mariam (bidan), mudim (Pak Jais) dan Bomoh Mahmud (bomoh). Gambaran Bidan Mariam dan perannya digambarkan oleh pengarang dalam peristiwa watak Salamah (isteri Pak Hassan) sedang sakit ketika akan melahirkan, Mat Junuh:

Bukanlah setiap kali ada perempuan hendak melahirkan, Bidan Mariam harus meninggalkan rumah dan keluarganya lama-lama. Ada beberapa peristiwa saja yang mengkehendaki beliau menunggu kadang-kadang sampai tiga hari tiga malam. Di rumah Salamah dia kena menunggu dua hari dua malam.

Watak Bidang Mariam dalam pemahaman teori Kirzner memiliki kewaspadaan terhadap kehendak pasaran (masyarakat) di desa PS yang bergantung sepenuhnya kepada perbidanan tradisional dengan memanfaatkan kebolehan dan pengetahuannya dalam bidang tersebut. Secara langsung, beliau memperolehi imbalan-imbalan tertentu berupa barangan, makanan atau sedikit wang, hasil kerja dan sumbangannya tersebut. Menurut Kirzner (1973; 1992; Hamilton & Harper, 1994), keusahawanan, meskipun tidak berorientasikan keuntungan kewangan merupakan usaha seseorang untuk menyeimbangkan penawaran dan permintaan dengan memahami secara menyeluruh ketidaksempurnaan pasaran dan mengeksploitasinya untuk mengembangkan produk-produk yang diperlukan. Ketidaksempurnaan pasaran diperlengkapkan oleh Bidan Mariam dengan meletakkan produk-produk samping seperti penggunaan sumber-sumber alam (daun-daunan dan akar-akar kayu) untuk membantu ibu-ibu yang baru bersalin untuk cepat sembuh.

Bomoh Mahmud juga membina kewaspadaan keusahawanan apabila menggunakan pengetahuan dan kebolehan dalam perbomohan serta jampi serapah (mentera) sebagai satu perkhidmatan untuk membantu mengubati pesakit yang tersampuk makhluk halus atau penyakit-

penyakit lain. Misalnya ketika Salamah terlantar sakit, peranan bomoh tersebut digambarkan oleh pengarang seperti berikut:

Sepanjang hari dia mengerang kesakitan. Lelaki itu menunggu di sisinya. Bomoh Mahmud terus membakar kemenyan. Bomoh Mahmud terus mengunyah dan menyembur sirih. Bomoh Mahmud juga tidak putus-putus menjampi air sirih yang akan disudukan ke mulut Salamah. (Anwar Ridhwan, 1979: 8)

Dalam pemahaman ini, Bomoh Mahmud memiliki kesedaran pasaran iaitu ketiadaan saingan (bomoh-bomoh lain) di desa PS hingga memunculkan pengiktirafan peluang (*opportunity recognition*) dalam desas tersebut yang tidak digunakan peluang tersebut oleh orang lain. Namun, Kirzner (1973) percaya setiap peluang dan kesempatan dalam sesebuah pasar harus disokong oleh pengetahuan, pengalaman dan maklumat yang tepat melalui kewaspadaan pemantauan dan penyelidikan. Berdasarkan kenyataan ini, Bomoh Mahmud memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam pembomohan sehingga beliau berjaya menawarkan perkhidmatan walaupun tidak berorientasikan keuntungan.

Peranan yang sama dimainkan oleh watak Pawang Kri dalam *Arus* yang menggunakan pengetahuan dan kebolehanannya sebagai pawang buaya di Sungai Usar yang mengalir membelahi Kampung Tok Wali. Keupayaan menilai dan mencari peluang tentang keperluan seorang pawang buaya telah menjadikan lelaki itu hidup mewah hasil daripada jualan kulit-kulit buaya dan upah dari penduduk kampung, selain bekerja sebagai pencari kayu dan damar di hutan. Pengetahuan, pengalaman dan penguasaan mentera dalam ilmu kepawangan membolehkan Pawang Kri sangat arif dalam teknik serta kaedah pengangkapan buaya, selain mampu mengenali semua jenis buaya, khususnya yang terdapat di Sungai Usar, misalnya spesies jenjulung, jolong, tembaga, pandan dan katak, yang cukup membanggakan Pawang Kri:

“...Hitung panjang, aku menangkap tujuh ekor buaya setahun. Buaya yang tua-tua maksudku. Aku menjual kulit-kulit buaya kepada seorang sudagar di Kuala Kota. Kadang-kadang aku ambil semua wang jualan. Kadang-kadang wangnya kuambil separuh. Yang separuh lagi kuminta saudagar itu membelikan untuk aku barang-barang yang kau lihat di serambi tinggang rumahku. Tapi bukan itu sahaja pekerjaanku. Agak sering juga aku masuk ke hutan mencari rotan, damar dan kayu” (Anwar Ridhwan, 1990: 54).

Kejayaan keusahawanan Pawang Kri sebagai pawang buaya dan menjual kulit-kulit buaya serta hasil-hasil hutan telah meletakkannya sebagai usahawan yang berjaya hingga mampu mengahwini Imah, gadis cantik yang jauh lebih muda darinya. Gadis tersebut juga merupakan idaman kepada saingan Pawang Kri iaitu Lebai Amrah. Kewaspadaan untuk menilai dan mencari juga diperlihatkan watak Jeneral dalam *Naratif Ogonshoto* bercadang memperluaskan laluan antarabangsa mewujudkan perairan Ogonshoto sebagai laluan kapal antarabangsa yang boleh dimanfaatkan untuk menjana ekonomi negara:

“...juga tentang pelayaran kapal induk tentera laut Amerika di luar perairan Ogonshoto yang sering berulang-alik di antara Honolulu dengan Pulau Handerson milik United Kingdom kurang lebih 24 Darjah selatan garis khatulistiwa” (Anwar Ridhwan, 2001: 34).

Keupayaan mengenal pasti keperluan pasaran telah meletakkan watak Presiden dapat sebagai usahawan yang memiliki kewaspadaan keusahawanan iaitu kemampuannya mengetahui bentuk-bentuk ketidakseimbangan pasaran iaitu keadaan perairan yang tidak dikomersialkan sepenuhnya sebagai jalan air untuk komersial dan ketenteraan. Menurut Kirzner (1992), seseorang akan memasuki dunia keusahawanan apabila persekitarannya memungkinkan terciptanya ruang pasaran. Persekitaran akan menyediakan komponen-komponen yang diperlukan oleh sesebuah keusahawanan terutama pasaran iaitu kemampuan pengguna dan daya beli, selain menyediakan kemungkinan pencarian peluang-peluang pasaran baharu untuk sesebuah produk (Randolph & Dess, 1984).

### **Kewaspadaan Terhadap Persekitaran dan Hubungan**

Seseorang usahawan yang berusaha untuk memaksimumkan keuntungan dalam sesebuah keusahawanan mesti membina informasi dengan kumpulan sasar sesebuah produk (pengguna). Melalui hubungan tersebut, usahawan akan mengenal pasti jenis pasaran, perilaku pengguna dan citarasa mereka (Kirzner, 1979). Dalam pengertian lain, sesebelum memulakan sesebuah penawaran produk atau perkhidmatan, seseorang pengusaha perlu mengenal pasti dan menilai keberkesanan produk, penentuan bentuk-bentuk produk serta struktur atau kaedah yang hanya diperolehi melalui pengumpulan informasi serta hubungan dengan pengguna (Kirzner, 1979; 1985; Nosleit, 2013). Kejayaan sesebuah keusahawanan sangat bergantung kepada sokongan persekitaran dan hubungan erat dengan pengguna yang menjadi kelompok sasar. Dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, Pak Hassan berusaha mengenal pasti keperluan 'pasaran' dengan memikirkan cerita-cerita baharu untuk dikongsikan dengan para pendengarnya di desa PS kerana sedar cerita-cerita lama sudah terlalu sering diperdengarkan kepada mereka:

“Seperti angin kencang yang bertiup di luar rumah, jiwanya juga sedang gelisah memikirkan giliran cerita apakah yang bakal diulang lagi”? (Anwar Ridhwan, 1979: 37)

Namun berbeza dengan watak adik Pak Hassan (melalui teknik imbas kembali) memahami keperluan pengguna, dalam konteks penerimaan mereka terhadap cerita-cerita lipur lara yang dibawa oleh abangnya kerana muncul alat hiburan-hiburan moden, khususnya radio. Oleh itu, beliau menasihati abangnya supaya beralih menjadi pesawah dengan mengerjakan bendang peninggalan arwah ayah mereka yang mampu menjadi sumber pendapatan yang lebih menjamin:

“Bayangkanlah pada suatu tengah hari adik saya datang berdepan dengan muka yang marah. Peluh di dahinya bercucuran dan bahunya memberat seolah-olah memikul beban berat yang tidak kelihatan. Katanya: “Eh San, mu beghetilah dok buat kerja-kerja bercerita tu, tak rak hidup! Kalu mu buat tanah kita tu lebih baik!” Kemudian dia merenung lagi, kali itu matanya seakan-akan menghalau...” (Anwar Ridhwan, 1979: 24).

Berdasarkan petikan ini, adik Pak Hassan telah mengenal pasti persekitaran dan keperluan penduduk di kampungnya yang memerlukan produk yang dikaitkan dengan keperluan asas (beras), selain taraf kehidupan mereka yang miskin. Oleh itu, mereka tidak mampu membayar perkhidmatan sebagai pencerita Pak Hassan. Randolph & Dess (1984) yang mengadaptasi konsep kewaspadaan Kirzner menggariskan, kejayaan sesebuah keusahawanan sangat ditentukan oleh peluang-peluang pasaran yang memungkinkan produk atau perkhidmatan diterima oleh pengguna. Dalam perspektif adik Pak Hassan, 'kerja-kerja bercerita' oleh abangnya bukanlah produk yang diperlukan oleh masyarakat, dan abangnya tersebut tidak berada dalam persekitaran keusahawanan yang mesra (*entrepreneurial munificence*). Istilah ini digunakan oleh Kirzner (1979; 1985) untuk merujuk kepada persekitaran yang boleh menyokong pemasaran sesebuah produk atau perkhidmatan, terutama daya beli pengguna.

Berbeza dengan kewaspadaan terhadap persekitaran oleh Bidan Mariam yang mewujudkan hubungan dengan pengguna, apabila mengenal pasti produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada penduduk desa PS, sebagai bidan bersalin, menghasilkan ubatan tradisional (akar kayu, daun-daunan serta urutan tradisional) kepada wanita hamil dan selepas bersalin, selain jampi untuk memudahkan sesebuah proses bersalin. Kepakaran Bidan Mariam tersebut telah diiktiraf dan diyakini oleh penduduk desa PS, khususnya Pak Hassan sendiri termasuk hal-hal yang berkaitan dengan menanam tembuni selepas isterinya Selamah melahirkan Mat Junuh:

“...Pada saat itu, sebahagian daripada fikirannya terlontar ke masa lampau, pada suatu pagi beberapa jam sesudah Selamah melahirkan Mat Junuh. Sesudah menanti sekian lama tetapi sebahagian tembuni Mat Junuh belum keluar juga, akhirnya dia berkata



kepada Bidan Mariam, kata-kata yang dia sendiri tidak tahu sama ada bayangan dukacita, sesal atau kecewa. “Saya nak tanam mana yang ada dulu, Mak Cik Mariam. Yang terbit kemudian tanam kemudian, mungkin menghala ke arah laut. Itulah yang terjadi, lebih kurang tembuni Megat Gambang...mula-mula Bidan Mariam tidak faham apa yang lelaki itu perkatakan, tetapi apabila dia sudah mengerti, dia cuma menggeleng-gelengkan kepalanya”. (Anwar Ridhwan, 1979: 13-14).

Kewaspadaan terhadap persekitaran dan hubungan dengan menggunakan turut diperlihatkan oleh Bomoh Mahmud yang waspada terhadap keperluan pengguna iaitu perkhidmatannya sebagai bomoh untuk semua tujuan perubatan di desa PS. Beliau telah mewujudkan hubungan dengan pengguna hingga berjaya menganalisis keperluan, bentuk-bentuk keusahawanan yang boleh dikembangkan dengan mengandaikan kebolehan jampi-serapah dan pengetahuan yang baik dalam perubatan tradisional. Antara lain beliau mengenal pasti penyakit Mat Junuh (anak kedua Pak Hassan) yang mengalami demam panas kerana membuang air kecil di pangkal pokok kekabu yang menjadi tempat tinggal makhluk halus hingga mendatangkan kemarahan ‘penghuni’ di pokok tersebut. Bomoh Mahmud telah menggunakan jampi-serapah, kemenyan dan sirih untuk memujuk para makhluk halus supaya memaafkan Mat Junuh dan mengembalikan kesihatannya walaupun pohon kekabu tersebut telah tiada: ‘Kemampuan’ Bomoh Mahmud tersebut menjadikan beliau sebagai tempat penduduk desa PS mendapat rawatan sebarang penyakit.

“Pokok kekabu itu sudah tidak ada lagi sekarang. Dua bulan sesudah Mat Junuh jatuh sakit, perlahan-lahan dahan pokok tersebut jatuh, satu demi satu. Akhirnya tinggallah pokok itu berdiri telanjang dan kudung. Pada suatu malam di mana hujan turun dengan lebatnya diiringi dengan ribut petir, pokok kekabu itu lah tumbang. Lama-kelamaan batang pokok tersebut lalu musnah” (Anwar Ridhwan, 1979: 51).

‘Kemampuan’ Bomoh Mahmud tersebut menjadikan beliau sebagai tempat penduduk desa PS mendapat rawatan sebarang penyakit, sama ada yang berkaitan dengan hal-hal mistik, gangguan makhluk halus atau penyakit-penyakit fizikal lain yang dihadapi oleh penduduk desa PS. Watak Paman Bahari juga telah mewujudkan hubungan dengan pengguna (penduduk desa PS) sebagai satu bentuk membina keusahawanan dengan mengintegrasikan kemampuan ekonomi dan keperluan informasi. Ia merujuk kepada keperluan radio sebagai medium untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan Perang Dunia Kedua walaupun menjadi satu kesalahan oleh pendudukan Jepun di Tanah Melayu ketika itu. Beliau sedar tentang kesalahan tersebut, tetapi bentuk keusahawanan yang dibinanya telah diterima oleh penduduk desa PS. Menurut Kirzner (1979; 1985), kewaspadaan untuk membina hubungan dengan pengguna sangat ditentukan oleh persekitaran keusahawanan yang kondusif, diterima dan diperakui. Meskipun pembelian radio oleh Paman Bahari tidak berorientasi keuntungan, tetapi beliau telah mendapat sokongan daripada persekitaran yang mesra hingga beliau mampu menjalankan peranan dan tugas sebagai usahawan iaitu penyebarkan maklumat tentang perang kepada penduduk desa. Bagaimanapun radio tersebut telah dirampas oleh tentera Jepun kerana tidak mahu penduduk desa PS mendapat maklumat siaran serta propaganda oleh tentera Kuasa-Kuasa Berikat yang diketuai oleh Amerika Syarikat. Selepas radio Paman Bahari dirampas, penduduk desa PS tidak lagi dapat mendengar sebarang maklumat terkini atau lagu-lagu Melayu serta Indonesia yang disiarkan. Ada di antara mereka yang sesekali kembali mendengar cerita lipur lara Pak Hassan walaupun tidak berminat, misalnya watak Aziz, salah seorang penduduk desa PS yang agak akrab dengan keluarga lelaki tua tersebut:

Bagi Aziz yang sudah tidak berpeluang mendengar radio Paman Bahari, kedatangan Pak Hassan ke rumahnya pada malam itu cukup menggembirakan. Dia duduk mendengar dengan bersungguh-sungguh cerita yang keluar dari mulut Pak Hassan. Walau bagaimanapun pada malam itu dia harus membuka telinganya lebih lebar kerana pertuturan Pak Hassan yang kurang jelas untuk didengar. (Anwar Ridhwan, 1979: 120).

Dalam novel *Arus*, watak Pawang Kri yang telah pun berusia 62 tahun, telah mewujudkan keusahawanan yang mesra persekitaran apabila menggunakan kemahiran dan pengalaman sebagai pawang buaya untuk membina jaringan komunikasi dengan penduduk Kampung Tok Wali. Kewaspadaan keusahawanan membolehkan Pawang Kri mengenal pasti peluang yang tidak dimiliki oleh mana-mana penduduk kampung tersebut, termasuk menggunakan kelebihan untuk menyunting Imah, gadis cantik yang digilai oleh banyak orang. Namun, isterinya tersebut meninggal dunia kerana dibaham oleh buaya ketika mencuci pinggan mangkuk di tepi Sungai Usar. Keganasan buaya di sungai tersebut tidak terhenti di situ, pada suatu hari, tiga orang anak penduduk Kampung Tok Wali turut menjadi mangsa yang akhirnya mendorong dua pemuda, Muslim, seorang pegawai bank yang dituduh pecah amanah dan terlibat dalam skandal perbankan, serta Salleh, pensyarah kesusasteraan Inggeris di sebuah universiti untuk memburu buaya-buaya tersebut dengan menggunakan senapang. Kedua-duanya telah memujuk Pawang Kri untuk membantunya menghapuskan binatang itu tetapi ditolak oleh pawang tua itu, dengan alasan tidak mahu lagi menjadi pawang buaya. Namun, pujukan demi pujukan dan janji imbalan tertentu oleh kedua-dua pemuda, selain sikap ingin membuktikan kemahirannya kepada 'musuhnya', Lebai Amrah dan pengikut-pengikutnya. Elemen kewaspadaan keusahawanan telah mendorongnya akur kepada pujukan Muslim dan Salleh untuk membantu menangkap buaya di Sungai Usar kerana ia merupakan peluangnya untuk memperlihatkan kemahiran, pengalaman dan kebolehan sebagai pawang buaya masih diterima oleh pengguna (Salleh dan Muslim). Namun, dia terbunuh apabila di baham buaya:

“Cepat tarik!,” jerit Salleh. “Pawang Kri dalam mulut buaya itu!”  
Cepat-cepat mereka menarik tali alai. Peluh memercik keluar dari setiap pori-pori kulit. Buaya itu tertarik sampai di gigi air sahaja. Besarnya hampir dua pemeluk. Tanpa bantuan air melanda tebing mereka tidak kuat lagi untuk menarik tangkapannya itu. (Anwar Ridhwan, 1990: 69).

Sementara telinga Muslim menangkap siulan-siulan Salleh, tangan kanannya tetap dapat merasakan beratnya beban di hujung tali alai, dan sepasang mata letihnya mula menyaksikan subuh yang kian cerah. (Anwar Ridhwan, 1990: 67)

Meskipun pengarang menggambarkan Pawang Kri meninggal dunia dengan tragis, tetapi kesanggupannya membantu Muslim dan Salleh, dengan menggunakan kemahiran dan kebolehannya dapat difahami hubungan yang positif antara *entrepreneurial munificence* dan *entrepreneurial alertness* kerana dia berusaha mencari peluang untuk mengetengahkan kebolehannya dengan memanfaatkan keperluan pengguna (Muslim, Salleh dan penduduk kampung Tok Wali). Seseorang usahawan mesti memiliki rasa percaya diri sebagai salah satu kriteria untuk menyedari kewaspadaan potensi pasaran, dan mengenali ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran dan seterusnya menilai peluang secara tepat serta berkesan (Kirzer, 1973; 1985; Noseleit, 2013).

Dalam *Naratif Ogonshoto*, beberapa watak digambarkan mewujudkan satu bentuk keusahawanan dengan memiliki kewaspadaan terhadap peluang-peluang yang dikaitkan dengan penawaran dan permintaan. Dalam bab *Aisberg*, watak para nakhoda telah menganalisis keperluan penduduk di Ogonshoto iaitu bekalan air ketika musim kemarau. Dalam bab tersebut, digambarkan tujuh buah kapal kumpulan pertama telah berusaha menarik bongkah besar aisberg dari Kutub Selatan sebagai sumber bekalan air:

Angkatan pertama tujuh buah kapal telah berjaya menarik aisberg raksasa itu ke utara. Raksasa beku itu terapung memutih ke laut biru dilatarbelakangi langit biru. Nakhoda di salah sebuah kapal memberi tahu melalui radio, mereka akan berlayar dahulu melalui Kutub Selatan....Pakar aisberg itu dan para pekerjanya telah menaiki kapal mereka. Semua bayaran kepakaran telah diterima. (Anwar Ridhwan, 2001: 56-57).

Musim kemarau yang melanda Republik Ogonshoto juga telah membuka peluang-peluang keusahawanan kepada pelbagai pihak untuk waspada terhadap peluang-peluang pasaran. Antaranya

para kontraktor pemilik kren di pelabuhan, pemilik lori, kapal dan pemilik gergaji raksasa yang menyewakan untuk memotong aisberg sebelum diproses menjadi air untuk kegunaan penduduk republik tersebut. (Anwar Ridhwan, 2001; Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, 2014). Selain itu, wujud perniagaan yang menjual tong-tong air bagi menghadapi musim kemarau. Para nelayan dalam novel ini juga memahami peluang mewujudkan keusahawanan yang memanfaatkan laut-laut serta perairan republik yang di kelilingi Lautan Pasifik tersebut menangkap ikan dengan menggunakan kapal-kapal besar hingga ia muncul sebagai industri. Kewaspadaan kelompok-kelompok sosial dalam novel tersebut, difahami sebagai proses penciptaan usaha-usaha baharu dalam persekitaran yang kondusif iaitu keperluan terhadap air dan makanan:

“...Ogonshoto melalui hari-hari yang agak tenang. Perahu-perahu nelayan kecil dengan cadik buluh betung kelihatan bergerak di Selat Gereva atau Selat Moraoka menangkap ikan. Pada sebelah pagi perahu-perahu cadik berlayar kecil itu ditolak angin gunung Gora-Gora. Pada sebelah tengah hari angin ganding dari timur menghembus perahu-perahu cadik itu ke pantai pasir putih. Hanya kapal-kapal yang agak besar sanggup membabar layar menduga Pasifik kerana angin masih agak kencang...” (Anwar Ridhwan, 2001: 45).

Para nelayan dan pelbagai pihak yang terlibat dengan penarikan aisberg telah memanfaatkan pengetahuan, kepakaran dan teknologi sebagai satu bentuk kewaspadaan dengan menghubungkan terhadap keperluan semasa di republik tersebut iaitu air dan hasil-hasil laut sebagai sumber makanan utama.

### **Penilaian dan Keputusan**

Menurut Kirzner (1985), seseorang usahawan perlu melakukan penilaian serta membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat-maklumat pasaran yang dimiliki untuk menawarkan produk yang boleh menjana keuntungan. Penilaian boleh dilakukan melalui dua kaedah iaitu melalui perhatian dan peluang orang ketiga (*attention and third-person opportunity*) serta penilaian dan peluang orang pertama (*evolution and first-person opportunity*). Kaedah pertama muncul apabila seseorang usahawan percaya wujudnya peluang untuk orang ketiga (pengguna) yang berkualiti (memiliki daya beli dan akan menggunakan barangan atau perkhidmatan yang akan ditawarkan. Kaedah kedua pula merujuk kepada seseorang usahawan memutuskan kewaspadaan terhadap produk-produk lain yang boleh mengisi pasaran, di samping produk utama. Dalam pengertian lain, apabila seseorang peluang dinilai positif, seseorang usahawan akan melakukan tindakan keusahawanan (*entrepreneurial action*), iaitu menawarkan produk atau (perkhidmatan yang dijangka dapat meraih keuntungan atau pengiktirafan sosial (Zimmerre, 1996).

Pak Hassan dalam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* misalnya percaya wujudnya peluang iaitu cerita-ceritanya akan terus didengari dan diterima oleh penduduk desa PS. Beliau menilai peluang sebagai positif (terutama selepas radio Paman Bahari dirampas oleh tentera Jepun), Peluang tersebut mendorong beliau melakukan tindakan keusahawanan dengan kembali bercerita hingga yang seringkali diubah. Antaranya meletakkan dirinya, arwah Selamah, Mat Junuh atau anak perempuannya, Senah sebagai watak-watak dalam cerita lipur laranya, misalnya kisah Selamah yang sakit teruk sebelum meninggal dunia selepas melahirkan Mat Junuh:

“Sesudah duduk genap di anjung lama Tuan Puteri pun mulai sakit teruk, lalu dipanggilnya inang. “Ya inang pergi royat ke adik saya di atas balai halaman balai. Pergi juga royat pada Raja Senah Alun Tujuh Belundang Tujuh Seperang Belundang Perang (Anwar Ridhwan, 1979: 117).

“Engkau tahu ketika Megat Gembang, Megat Junuh dan Puteri Senah hendak dilahirkan di dunia, segala kayu-kayan, nyiur pinang banyak berbuah. Megat Junuh itu ada dua tembuni. Satu tembuninya saya buang ke baruh dalam pohon piya. Satu tembuni lagi saya campak ke Selat Melaka. Ayah Megat Junuh dan

Megat Gambang itu percaya sangat dengan nujum Mahmud, namanya Tuk Raja Hassan Bedura Besar (Anwar Ridhwan, 1979: 134).

“Akhirnya berkumpul semula Tok Raja Hassan Berdura Besar dengan anak-anaknya- Puteri Senah dan Megat Junuh. Tak seperti Tok Raja hasan Berdura Besar yang berkahwin sekali sahaja dengan Puteri Selamah manik Urai. Megat Junuh berkahwin banyak. Maklumlah dia anak raja yang akan mewarisi takhta kerajaan Teluk Bidung Kota Lama. Isterinya yang paling muda bernama Cik Siti Jarum Bergiling dari Negeri Serendah” (Anwar Ridhwan, 1979: 135).

Pengubahsuaian cerita *Megat Gambang* oleh Pak Hassan kerana beliau waspada terhadap peluang-peluang yang ada disekitarnya yang dinilai positif hingga memungkinkan tindakan keusahawanan dibuat untuk meraih pengiktirafan sosial daripada penduduk desa PS. Tindakan mengubahsuaikan cerita dalam satu aspek berkait rapat dengan konflik-konflik batin Pak Hassan, terutama selepas kematian Selamah, Senah yang diperkosa dan Mat Junuh yang terencat akal selepas di serang demam panas. Namun, dalam perspektif lain, keputusan Pak Hassan mengubah cerita-ceritanya berkait rapat dengan kesedaran tentang cerita-cerita lama yang sering diulang-ulang sudah tidak lagi menarik perhatian pendengar. (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, 2014). Kirzner (1985), menggariskan kemampuan keusahawanan berkait rapat dengan keupayaan seseorang mengubah idea menjadi tindakan, termasuk kreativiti, inovasi dan pengambilan risiko (*risk averter*) untuk membuat menjual sesebuah produk.

Watak Bidan Mariam dan Bomoh Mahmud misalnya, membuat keputusan dan menilai keperluan masyarakat di desa PS berkaitan dengan perbidanan tradisional dan rawatan-rawatan berkaitan perbomohan Melayu hingga kedua-dua jenis perubatan tersebut diterima sepenuhnya. Malah, Pak Hassan, selain sebagai penglipur lara, beliau turut memiliki pengetahuan dalam perubatan tradisional. Buktinya, dia pernah mengubati penyakit anak Imam Mahali, pada awal kedatangannya ke desa PS. Namun, penilaian dan kewaspadaan terhadap pasaran, menyebabkan beliau memberi tumpuan sepenuhnya kepada penglipur lara. Bomoh Mahmud juga telah menilai segenap peluang dalam masyarakat di desa PS untuk mengembangkan kerjaya perbomohannya hingga setiap kenyataan dan keputusannya diterima sepenuhnya. Antara lain, berusaha mengubat penyakit Mat Junuh disebabkan perbuatannya mengotorkan (membuan air kecil) di `istana` makhluk halus di pokok kekabu.

Paman Bahari juga berjaya mencipta peluang keusahawanan melalui kewaspadaan terhadap keperluan maklumat dan hiburan yang lebih moden di desa tersebut, dengan membeli radio yang dianggap sebagai barangan mewah sebagai bentuk pelaburan untuk mendapat pengiktirafan sosial. Kreativiti dan inovasi yang disokong oleh sejumlah kekayaan yang dimiliki oleh Paman Bahari, terutama kebun-kebun kelapa yang mendatangkan hasil yang lumayan (hasil-hasilnya di jual kepada pemborong tetap berketurunan Cina) terutama sebelum meletusnya perang. Keberadaan radio tersebut menjadikan rumahnya sebagai tempat tumpuan masyarakat, khususnya untuk mendengar berita-berita terkini perang, selain menjadi alat yang menghancurkan tradisi lipur lara yang dibawa oleh Pak Hassan;

“Aku suka mendengar radio dari mendengar cerita ayah Mat Junuh ini,” kata Salleh.

“Engkau bagaimana Aziz?” “Aku pun begitu. Mengadap lelaki tua itu lama-lama jemulah” (Anwar Ridhwan, 1979: 45).

Watak Muslim dalam *Arus* turut membina menilai dan membuat keputusan sebagai satu tindakan kewaspadaan tentang peluang orang Melayu untuk menceburi sektor perbankan dan pengurusan kewangan. Beliau yang merupakan lulusan di salah sebuah universiti di New York dan bekerja sebagai pegawai tinggi di bank terkemuka di Kuala Lumpur. Nilai keusahawanan Muslim diperlihatkan melalui dedikasi dalam pekerjaan, seperti tidak pernah datang lambat tetapi sering pulang lewat malam. Ia bertujuan membuktikan kepada pihak pengurusan bank bahawa orang Melayu juga mampu berjaya dan bersedia bekerja keras, khususnya dalam sektor perbankan dan kewangan.

Rasanya dia tidak keseorangan bersikap demikian. Rakan sejawatnya juga begitu. Bank itu pada mulanya hanyalah seekor anak sepat, berenang payah antara anak-anak padi yang sedang membesar, sementara air kian surut. Merekalah yang telah mengasuhnya, hingga anak sepat itu bukan anak sepat lagi, tetapi bertukar menjadi sebuah bangunan tetap dan tinggi di Kuala Lumpur (Anwar Ridhwan, 1990: 20).

Bagi mengukuh konsep kewaspadaan terhadap peluang keusahawanan iaitu industri perbankan, Muslim berusaha keras menolak tuduhan oleh pelbagai pihak tentang keterlibatannya dalam skandal bank yang menyebabkan negara kerugian bilion ringgit yang dihantar ke Hong Kong. Keinginan untuk membersihkan namanya dan mewujudkan peluang-peluang kepimpinan keusahawanan, termasuk menyakinkan isterinya;

“Walaupun pelajaran agama abang tidak tinggi, ajaran imam kampung tu masih tersemat di hati. Pendek kata, satu sen yang bukan hak abang, abang tak mahu. Walaupun di universiti dulu abang dalam jurusan ekonomi, tetapi abang baca juga buku-buku sastera, baca tulisan Dr. Burhanuddin, baca karya Ahmad Boestaman, baca rencana Rahim Kajai. Rasa sayangkan bangsa dan negara masih tersemat. (Anwar Ridhwan, 1990: 23).

Namun, Muslim terus menerima tekanan daripada masyarakat sekeliling, pekerja-pekerja bawahannya, serta isterinya sendiri. Tuduhan keterlibatannya dalam skandal bank itu dalam pemikirannya lebih liar dan ganas berbanding dengan buaya-buaya yang mendiami Sungai Usar. Oleh itu, dia bertekad untuk meninggalkan pejabat dan membebaskan diri dari tekanan dengan memburu buaya-buaya tersebut buat sementara waktu. Dalam perspektif penilaian dan peluang orang pertama oleh Kirzner (1985), keputusan untuk menangkap buaya-buaya ganas tersebut merupakan kewaspadaan untuk mencipta peluang-peluang baharu, di samping produk-produk yang sedia ada (keberadaan Pawang Kri sebagai pawang buaya):

“Khabar angin itu cukup liat untuk dapat ditewaskan. Lebih sukar untuk ditewaskan. Lebih sukar membunuhnya daripada membunuh binatang buas. (Anwar Ridhwan, 1990: 24)

“Aku mahu buktikan, dengan tidak melayan berita angin itu, khabar itu akan lenyap dengan sendirinya. Aku akan membunuh binatang lebih kejam dari khabar angin itu; buaya!” (Anwar Ridhwan, 1990: 27).

Penilaian terhadap peluang-peluang untuk menangkap buaya oleh Muslim tersebut ‘ditumpangkan’ pada Pawang Kri yang merupakan nama yang telah begitu sinonim sebagai pawang buaya yang berjaya di Kampung Tok Wali. Dalam perspektif Kirzner (1973;1992), kekuatan sesebuah produk baharu seringkali ‘menumpang’ keberadaan produk-produk sedia ada yang hampir serupa di pasaran, tetapi mengalami nilai tambah dalam aspek teknologi, fungsi dan sebagainya. Dalam pemahaman ini, beliau telah meletakkan kewaspadaan untuk berada bersama-sama Pawang Kri sebagai penangkap buaya, tetapi melalui pendekatan teknologi (senampang).

“Jadi Pawang Kri membunuh buaya dengan dua orang inilah?”

“Ya, siapa lagi? Yang mendayung ini aku kurang kenal. Yang pakai kaca mata aku kenal.”

“Siapa?”

“Buaya juga. Ada kau dengar skandal bank baru-baru ini? (Tanpa menanti jawapan) Dia dapat habuan.” (Anwar Ridhwan, 1990: 77)

Kirzner (1973; 1979) meletakkan asas keusahawanan pada pertanyaan “mengapa, bagaimana dan bila sesebuah peluang” dapat ditemukan untuk memulakan sesebuah keusahawanan dalam satu sistem pasar. Bagaimana sesebuah peluang itu muncul sangat berkait rapat dengan

pengalaman, kewaspadaan pasar, cita-cita peribadi dan kesedaran peribadi (*personal awareness*), perubahan citarasa masyarakat serta keperluan pengguna. Berdasarkan konsep keperluan pasaran dalam konteks ini, masyarakat Kampung Tok Wali menginginkan satu perkhidmatan untuk menghapuskan buaya-buaya ganas di Sungai Usar, terutama selepas kematian tiga kanak-kanak akibat disambar reptilia ganas tersebut. Kewaspadaan melibatkan sikap proaktif berdasarkan kapasiti kognitif dan proses seperti pengetahuan, kecekapan memproses maklumat, kreativiti dan jaringan sosial (*social network*) yang mengarah kepada wujudnya peluang. Pawang Kri misalnya telah memiliki hubungan dengan watak Muslim dan Salleh sebagai satu bentuk kerjasama sosial untuk mencipta peluang-peluang yang dikaitkan dengan nilai, moral dan pengiktirafan sosial. Bentuk jaringan ini telah menguntungkan kedua-dua pihak, iaitu Pawang Kri bakal meraih pengiktirafan sosial dari penduduk Kampung Tok Wali serta Lebai Amrah dan pengikut-pengikutnya. Pada masa yang sama, Muslim dapat menemukan jalan keluar (*escapism*) daripada tekanan kerana tuduhan-tuduhan terhadapnya berkaitan skandal bank. Bentuk kerjasama Pawang Kri, Muslim dan Salleh muncul setelah kedua-dua lelaki tersebut memahami reputasi pawang tua tersebut sebagai pakar menangkap serta membunuh buaya di Sungai Usar.

Dalam *Naratif Ogonshoto*, elemen penilaian dan keputusan watak lelaki terhadap keperluan air akibat kemarau yang melanda Republik Ogonshoto merupa satu bentuk kewaspadaan terhadap keperluan pasar. Watak tersebut telah mewujudkan gerak kerja untuk menghasilkan air tawar untuk kegunaan sendiri dan dipasarkan dengan menukar air laut kepada air tawar kerana beliau telah berjaya mengesan ketidaksempurnaan pasaran akibat daripada ketidakseimbangan penawaran dan permintaan terhadap air tawar. Menurut Kirzner (1973), keuntungan yang diperolehi oleh pengusaha dari keusahawannya adalah imbalan terhadap kewaspadaan mereka menilai dan membuat keputusan berkaitan dengan peluang-peluang ekonomi baharu dalam pasaran.

Watak lelaki tua telah menemukan satu peluang (keperluan terhadap air tawar), suatu istilah yang disebut oleh Kirzner sebagai "maklumat kunci" yang merujuk kepada penilaian dan keputusan untuk melahirkan sesebuah keusahawanan apabila memahami ketidaksempurnaan pasaran (1973; 1992; Laplume & Yeganegi, 2018). Ia digambarkan oleh Anwar Ridhwan melalui kegigihan watak tersebut menganalisis dan mengenal pasti keperluan penduduk di republik tersebut terhadap air tawar:

Sementara menanti tulat lelaki tua itu mengangkut air laut Selat Morauka ke rumahnya, berulang-ulang kali. Dia meletakkan periuk besar atas tiga batu tungku, kemudian mengisinya dengan air laut hampir penuh.

Tujuh tong air yang masih kosong diletak mengelilingi periuk. Tujuh batang bambu yang telah dilubangi ruasnya. Setiap batang panjang sedepa, diletak menyambung mulut periuk dengan mulut tong air...biarlah air mengewap ini, seperti juga kemarau, mencabarnya. Dia akan menyambut cabaran-cabaran demi air...(Anwar Ridhwan, 2001: 66-67).

Dalam perspektif Kirzner (1985; 1992), peluang muncul kerana kreativiti seseorang pengusaha yang mewaspada setiap kehendak pasaran serta mencari kelainan produk berbanding dengan pesaing-pesaingnya. Ia juga dapat difahami tentang keupayaan pengusaha memasarkan produk atau perkhidmatan baharu yang mempunyai nilai dalam aspek keperluan, prestij sosial, fungsi teknologi dan kualiti. Dalam perspektif ini, kejayaan dan janaan keuntungan bergantung kepada bagaimana seseorang pengusaha menggunakan kewaspadaan, kesempatan dan pengetahuan pasaran yang tidak dimiliki oleh pengusaha lain. (Kirzner, 1985; 1982; Foss & Klein, 2004).

## RUMUSAN

Anwar Ridhwan telah memaparkan imej-imej kepimpinan keusahawanan dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman, Arus* dan *Naratif Ogonshoto* melalui perspektif keusahawanan yang disesuaikan dengan latar penceritaan, struktur sosial dan imej-imej ekonomi masyarakat semasa. Ia bererti, beliau sebagai pengarang telah membina wacana keusahawanan oleh para watak dengan menghubungkan

dengan penceritaan, peristiwa dan konflik-konflik tertentu yang sering tidak berorientasikan keuntungan, tetapi terarah kepada pengiktirafan sosial. Berdasarkan konsep kewaspadaan keusahawanan oleh Israel M. Kirzner, perspektif keusahawanan yang dibina oleh Anwar Ridhwan cenderung kepada pemaparan kewaspadaan watak yang dikaitkan dengan beberapa aspek utama iaitu hasrat dan tanggungjawab. Ia digambarkan melalui watak Pak Hassan, Bidan Mariam, Paman Bahari dan Bomoh Mahmud (*Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*). Persoalan hasrat dan tanggungjawab juga diperlihatkan melalui watak Pawang Kri, Muslim dan Salleh (*Arus*) serta watak General, para Nakhoda dan Lelaki Tua dalam *Naratif Ogonshoto*. Watak-watak tersebut digambarkan memiliki kemampuan mencipta, mengelola dan membina peluang-peluang baharu melalui kreativiti dan inovasi yang dijadikan asas, usaha dan sumber untuk mencari peluang keusahawanan dalam masyarakat masing-masing.

Aspek lain kepimpinan keusahawanan yang turut dikemukakan oleh Anwar Ridhwan dalam ketiga-tiga novel tersebut ialah menyakini kemampuan untuk berjaya dan memiliki semangat yang tinggi dalam keusahawanan. Watak Pak Hassan misalnya, masih yakin, tradisi lipur lara yang dibawanya, masih mampu bertahan dan akan terus didengar oleh penduduk desa PS. Begitu juga Pawang Kri begitu bangga dengan ilmu kepawangannya sebagai satu bentuk keusahawanan yang dikembangkan untuk meraih pengiktirafan sosial dan status ekonomi. Elemen kepimpinan keusahawanan yang turut dikemukakan oleh pengarang dalam ketiga-tiga novel ini, turut berhubung rapat dengan penggunaan pengetahuan dan pengalaman dalam membina peluang-peluang keusahawanan dalam struktur sosial masing-masing.

## **RUJUKAN**

- A.Halim Ali (2018) *Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- Ali, A. H., & Abdul Malik. (2021). Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan Model Kepimpinan Berintegriti: Ingenuity Value of Bendahara Tun Perak in Developing A Model of Leadership with Integrity. *PENDETA*, 12(1), 26–39. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.3.2021>
- Abdul Halim Ali, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, Mazdi Marzuki, Miftachul Huda (2020) 'Digital Approach of Malay Literature through Interactive Computer Method (ICM): A Proposed Framework Model', *Journal of Solid State Technology*, Vol. 63 No. 6 (2020), p.12651-12666
- Anwar Ridhwan. (1979). *Hari-Hari terakhir seorang seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. (1990). *Arus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. (2001). *Naratif ogonshoto*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. (ed). (1995). *Self-efficacy in changing societies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Baron, R.A. (2012). *Entrepreneurship: An evidence-based guide*. New York: Edward Elgar.
- Foss, Nicolai J. & Klein, Peter G. (2004). "Entrepreneurship and economic theory of the firm: Any Gains from trade". *Journal of Entrepreneurship*, 2004-19, 2-9.
- Hamilton, R & Harper, D. (1994). "The entrepreneur in theory and practice", *Journal of Economic Studies*, 21(6), 3-18.
- Kirzner, Israel M. (1973). *Competition and entrepreneurship*. Chicago: University of Chicago Press.
- Kirzner, Israel M. (1979). *Perception, opportunity and profit: Studies in the theory of entrepreneurship*. Chicago and London: University of Chicago Press.
- Kirzner, Israel M. (1985). "The perils of regulation". Dalam *Discovery and capitalist process*. Chicago: University of Chigago Press.
- Kirzner, Israel M. (1992). *The meaning of market process*. London: Routledge.
- Lacatus, Maria Liana & Staiculescu, Camelia. (2016). "Entrepreneurship in education". *Sciendo*, 22(2), 438-443.
- Laplume, A. & Yeganegi, S. (2018). *Kirzner's alertness theory of entrepreneurship. Entrepreneurship theories*. <https://entrepreneurship.blogspot.com>.
- Ncanywa, Thobeka. (2019). "Entrepreneurship and development agenda: A case of higher education in Africa". *Journal of Entrepreneurship Education*, 22(1), 1-11

- Noseleit, F. (2013). Entrepreneurship, structural change, and economic growth. *Journal of Evolutionary Economics*, 23(4), 735–766.
- Ramli, F. N. A., Wahid, A., & Ali, A. H. (2021), `Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka`, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 33 - 48. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/141>
- Randolph, W. & Dess, G. (1984). “The congruence perspective of organization design: A conceptual model and multivariate research approve”. *Academy of Management Review*, 9(1), 144-127.
- Siti Khariah M. Zubir. (2012). “Analisis citra usahawan wanita dalam novel-novel Melayu”. *Jurnal Perspektif*, (4(2), 44-55.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Salinah Jaafar, Mardian Shah Omar & Mawar Safei. (2021). “Novel-Novel terpilih Azmah Nordin dari perspektif wanita dalam ekonomi”. *Jurnal Rumpun*, 9(2), 24-34.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2014). *Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Yeganegi, Sepideh, Laplume, Andre Omer, Dass, Parshotam & Greidanus, Nathan S. (2018). “Individual-level ambidexterity and entrepreneurship entry”. *Journal of Small Business Management*, 57(4), 1444-1463.
- Zimmerre, Thomas. (1996). *Effective small business management*. (Volume1). New York: Practice Hall.